

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan andaian dan prinsip perakaunan yang digunakan dalam situasi di bawah.
- (i) Pemilik Kedai Bunga Rosey tidak merekod pembayaran insurans kereta anaknya dalam buku perniagaan.
- (ii) Syarikat Lampu Jelita memiliki sebuah premis yang dibeli pada 5 Januari 2016 pada harga RM480 000. Nilai semasa premis itu ialah RM800 000. Kerani akaun merekodkan nilai kos belian premis tersebut dalam buku perniagaan.
- [2 markah]
- (b) Nyatakan akaun berkaitan bagi catatan kontra berikut.
- | Catatan Kontra | Akaun Berkaitan |
|------------------------|-----------------|
| Ambilan | |
| Peruntukan hutang ragu | |
- [2 markah]

(c) **Dokumen 1** diperoleh daripada Syarikat Elektrik Maju.

ASAL		INVOIS		No: 4710
Syarikat Perabot Moden 117 Jalan Tenang 54000 Kuala Lumpur				
				Tarikh: 14 Mac 2019
Kepada:				
Syarikat Elektrik Maju 56 Jalan Bunga Kekwah 54100 Kuala Lumpur				
Bil.	Perkara	Unit	Harga Seunit	Jumlah
			RM	RM
1	Kerusi pejabat	4	150.00	600.00
2	Meja	1	200.00	200.00
			Jumlah	800.00
(Ringgit Malaysia: Lapan ratus sahaja)				

Dokumen 1

Rekodkan urus niaga di atas dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).
[2 markah]

- (d) Lembaga Pengarah Syarikat Pertiwi Berhad telah memutuskan untuk menerbitkan 600 000 unit 6% syer keutamaan pada harga RM1.50 sesyer dan 250 000 unit syer biasa pada harga RM3.00 sesyer.

Hitung modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi syarikat tersebut.

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Badminton Wawasan pada 1 Mac 2019.

	RM
Perabot	4 000
Alatan pejabat	2 000
Yuran belum terima	500
Yuran belum terperoleh	180
Kadar bayaran belum bayar	70
Insurans prabayar	300
Tunai di bank	3 865
Tunai di tangan	900

Hitung dana terkumpul pada 1 Mac 2019.

[2 markah]

- 2(a) Baki-baki akaun berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Zaabah pada 30 April 2019:

	RM
Untung kasar	45 026
Komisen diterima	274
Sewa	4 900
Kadar bayaran	815
Gaji	2 400
Faedah pinjaman bank	145
Modal 1 Mei 2018:	
Kasmah	50 000
Borhan	90 000
Premis (kos)	79 400
Kenderaan (kos)	51 000
Akaun Semasa 1 Mei 2018:	
Kasmah	(1 500)
Borhan	2 200
Ambilan Kasmah	18 000
Ambilan Borhan	15 000
Overdraf bank	3 700
Tunai	2 000
Akaun Belum Terima	12 500
Akaun Belum Bayar	5 340
Peruntukan hutang ragu	420
Inventori 30 April 2019	25 100
Pinjaman bank	10 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	5 800

Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:

- i. Faedah atas modal 4% setahun.
- ii. Faedah atas ambilan 5% setahun.
- iii. Gaji bulanan Kasmah ialah RM400 dan Borhan RM300.
- iv. Untung atau rugi dibahagi antara Kasmah dan Borhan mengikut nisbah 2:3.

Maklumat tambahan:

- i. Komisen belum terima berjumlah RM130.
- ii. Sewa belum bayar berjumlah RM200.
- iii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% setahun.
- iv. Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2019. [6 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2019. [8 markah]
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2019 (tunjukkan modal kerja). [11 markah]

- 3 Puan Balqis ialah pemilik Kilang Perabot Warisan di Kajang, Selangor. Imbanan Duga pada 30 Jun 2019 adalah seperti berikut:

Kilang Perabot Warisan
Imbanan Duga pada 30 Jun 2019

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal		212 100
Peralatan	69 500	
Kenderaan	110 000	
Alat-alat kecil pada 1 Julai 2018	12 700	
Susut nilai terkumpul pada 1 Julai 2018:		
Peralatan		6 950
Kenderaan		22 000
Inventori pada 1 Julai 2018:		
Bahan langsung	14 500	
Kerja dalam proses	11 750	
Barang siap	12 100	
Jualan		269 200
Belian:		
Bahan langsung	77 070	
Bahan tak langsung	21 645	
Alat-alat kecil	4 800	
Pulangan bahan langsung		1 305
Gaji pekerja kilang	71 647	
Gaji penyelia kilang	14 300	
Gaji kerani pejabat	10 800	
Upah tak langsung	1 780	
Kadar bayaran	9 600	
Belanja pentadbiran pejabat	1 080	
Sewa	15 600	
Insurans	3 600	
Belanja membaiki peralatan	4 720	
Belanja penyelenggaraan kenderaan	3 680	
Hutang lapuk terpulih		847
Angkutan keluar	950	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	26 700	19 600
Bank	32 500	
Tunai	980	
	532 002	532 002

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2019:

	RM
Bahan langsung	18 212
Kerja dalam proses	10 420
Barang siap	11 300

- (ii) Cap dagangan belum bayar RM2 800.

- (iii) Seorang pekerja kilang telah mengambil pendahuluan gaji bagi bulan Julai 2019 sebanyak RM500.

- (iv) Gaji penyelia kilang RM1 300 belum dibayar.

- (v) Insurans dibayar sehingga 30 September 2019.

- (vi) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:

- Peralatan, 10% setahun atas kos
- Kenderaan, 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- Alat-alat kecil dinilaikan semula sebanyak RM9 300

- (vii) Agihan perbelanjaan:

	Kilang	Pejabat
Kadar bayaran	85%	15%
Sewa	80%	20%
Insurans	80%	20%
Belanja membaiki peralatan	90%	10%
Susut nilai peralatan	90%	10%
Belanja penyelenggaraan kenderaan	10%	90%
Susut nilai kenderaan	10%	90%

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [21 markah]
(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [4 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4(a) Buku Tunai Kedai Kek My Mom's Bakery menunjukkan baki debit RM234 pada 31 Mac 2019. Baki ini berbeza dengan baki yang ditunjukkan dalam Penyata Bank yang diterima. Setelah meneliti Buku Tunai dan Penyata Bank tersebut, didapati perbezaan ini disebabkan oleh:
- (i) Cek berjumlah RM298 telah dikeluarkan tetapi belum dikemukakan untuk pembayaran.
 - (ii) Kedai Kek My Mom's Bakery membayar sekeping cek bernilai RM756, tetapi direkodkan dalam Buku Tunai sebagai RM765.
 - (iii) Beberapa keping cek berjumlah RM550 yang diterima daripada pelanggan telah dicatatkan dalam Buku Tunai tetapi belum lagi dikreditkan dalam Penyata Bank.
 - (iv) Sekeping cek telah diterima daripada pelanggan untuk menyelesaikan hutang yang berjumlah RM380, dan memberinya 10% diskaun tunai. Cek itu tidak dilayan oleh bank.
 - (v) Butiran berikut dicatatkan di dalam Penyata Bank tetapi tiada dalam Buku Tunai:

	RM
Buku cek	50
Komisen diterima	250
Faedah simpanan tetap	310

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2018.
[10 markah]

4(b) Maklumat berikut diperoleh daripada Restoran Kayu Manis pada 1 Januari 2019.

	RM
Baki kredit Akaun Belum Bayar	4 250
Baki debit Akaun Belum Terima	6 590
Urus niaga sehingga 31 Disember 2019:	
Jualan (termasuk jualan tunai RM35 000)	75 450
Belian (termasuk belian tunai RM15 200)	60 400
Diskaun diterima	810
Diskaun diberi	740
Pulangan masuk	1 750
Pulangan keluar	1 040
Hutang lapuk	2 020
Cek pelanggan tak dilayan oleh bank	2 730
Pindahan dari lejar Akaun Belum Bayar ke Akaun Belum Terima	980
Jumlah penerimaan tunai dari Akaun Belum Terima	73 250
Jumlah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar	42 660

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Bayar.

[10 markah]

- 5(a) Berikut adalah Imbangan Duga yang diambil daripada buku Kedai Buku Matahari pada 30 Jun 2019.

Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan (kos)	10 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		2 000
Modal		12 585
Ambilan	200	
Bank	7 500	
Inventori awal	3 100	
Belian dan Jualan	32 195	52 342
Pulangan keluar		1 195
Angkutan masuk	100	
Insurans	1 200	
Kadar bayaran	470	
Gaji	4 000	
Sewa	2 500	
Peruntukan hutang ragu		233
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	4 350	575
Duti import	115	
Perabot	3 200	
	68 930	68 930

Maklumat tambahan:

- i. Inventori akhir bernilai RM4 100.
- ii. Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun mulai 1 Januari 2019.
- iii. Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- iv. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [6 markah]
- (ii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019. [6 markah]

- 5(b) Berdasarkan jawapan pada 5(a)(i) dan 5(a)(ii), **anda dikehendaki** menghitung nisbah berikut bagi perniagaan Kedai Buku Matahari:
- (i) Peratus untung bersih atas jualan [2 markah]
 - (ii) Pulangan atas modal [2 markah]
 - (iii) Nisbah semasa [2 markah]
 - (iv) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]

- 6(a) Perniagaan Seri Setia menyimpan Buku Tunai Runcit dengan nilai panjar berjumlah RM350. Pada 1 Julai 2019, baki tunai runcit adalah sebanyak RM60.

2019		RM
Julai 1	Bayaran balik oleh ketua juruwang	?
3	Kertas A4	36
7	Upah mencuci pejabat	50
8	Setem dan surat berdaftar	24
15	Fail dan kertas karbon	32
20	Pinjaman Amin	60
24	Bunga meja pejabat	30

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Ogos 2019 dengan menunjukkan lajur alat tulis, pos, belanja pejabat dan pelbagai.

[11 markah]

- 6(b) Encik Jamil memulakan perniagaan sejak 1 Januari 2018, namun beliau tidak menyimpan rekod perakaunan mengikut sistem catatan bergu. Berikut adalah maklumat aset dan liability bagi perniagaannya bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2019.

	1 Januari 2019	30 Jun 2019
	RM	RM
Perabot	15 000	?
Susut nilai terkumpul perabot	1 500	?
Kenderaan	40 000	40 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	4 000	?
Akaun Belum Terima	3 200	7 500
Akaun Belum Bayar	4 700	6 340
Inventori	9 750	11 240
Bank	13 300	16 460
Modal	?	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2019, Encik Jamil membawa masuk almari bernilai RM2 000 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan.
- (ii) Pemilik membuat ambilan tunai RM200 dan ambilan inventori RM100 setiap bulan.
- (iii) Semua aset bukan semasa disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2019 [3 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Koleksi 3756 Percubaan SPM 20

